

Suara

MITASA

Edisi Julai 2023 - Mei 2024

MITASA



**PERUBAHAN PEMANGKIN
KEMAJUAN BERTERUSAN**

**AGM-36 MITASA
TAMPIL KEPIMPINAN BAHRU**

EDITORIAL & TINTA PENGARANG

EDITORIAL



Saharuddin Lin
Penasihat



**Mohd Amirul Akhbar
Mohd Zulkifli**
Ketua Pengarang



Dr Faridah Hussain
Editor Bersekutu



Haliza Ab Ghani
Editor Bersekutu



Siti Fatihah Awang
Eksekutif Media

“Tinta Pengarang”



**Mohd Amirul Akhbar
Mohd Zulkifli**
Ketua Pengarang

Kelangsungan MITASA kini diteruskan lagi dengan pelbagai fokus baharu yang lebih jelas dan berkesan. Suara MITASA, diantara madah awal yang menjadi penyambung kepada ahli dan bukan ahli untuk mengenali MITASA dan melihat apa yang dilaksanakan MITASA sepanjang penubuhannya tetap berdiri diatas kakinya.

Pengurusan MITASA berubah wajah setiap dua tahun sekali, namun Suara MITASA tidak pernah beralih arah. Namun kali ini, bagi memberi nafas yang lebih segar, Suara MITASA yang asalkanya hanya lapan muka surat sahaja akan ditambah sehingga 20 muka surat untuk edisi yang akan datang.

Pengisian yang lebih hebat akan ditampilkan di dalam Suara MITASA selepas ini sesuai dengan status ISN yang diperoleh. Alhamdulilah, jadikanlah Suara MITASA ini sebagai salah satu medium ahli untuk berkarya, berkongsi input berguna dari pelbagai segi dan aspek pengajaran mereka, sekaligus menjadi wadah penyambung perjuangan yang sedia ada.

Mengajar dan anak didik, bukan itu sahaja petunjuk prestasi utama pensyarah, pelbagai aspek lain turut mengelilingi kehidupan seseorang pendidik yang menggalas jawatan itu. Sejauh mana kaki dapat melangkah dengan pelbagai cabaran, ujian dan dugaan yang menanti bagi melahirkan seseorang siswa atau siswi yang berguna untuk agama dan negara.

MITASA sentiasa menyedari keperluan, kepentingan dan kebijikan yang diperlukan para pensyarah dan buktinya kita tampilkan dalam pelbagai bentuk termasuklah melalui Suara MITASA yang disediakan. Jadikanlah Suara MITASA ini sebagai satu catatan bukti kebertanggungjawaban Ahli-Ahli Majlis Kerja yang diberikan kepercayaan menggalas pelbagai portfolio masing-masing. Semoga Allah SWT menghimpun segala kebaikan daripada setiap gerak kerja yang dilakukan demi menjaga dan memartabatkan nama Universiti Teknologi Mara (UiTM) untuk ke peringkat lebih tinggi. Wasalam.



Saharuddin Lin

Presiden Mitasa merangkap
Penasihat Suara MITASA

Sejenak Bersama **PRESIDEN MITASA**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera dan Salam Perjuangan

Setinggi-tinggi tahniah buat semua yang telah menjayakan penerbitan SUARA MITASA siri ini khasnya buat seluruh Ahli Majlis Kerja dan staf Mitasa. SUARA MITASA adalah wadah penghubung di antara MITASA dan ahli-ahlinya. Melaluinya dipaparkan kegiatan dan aktiviti Ahli Majlis Kerja MITASA.

Pada AGM Oktober 2023, telah berlaku peralihan kepimpinan di dalam MITASA. Peralihan kepimpinan di dalam sesuatu organisasi adalah perkara biasa yang sering berlaku di dalam banyak organisasi. Pemimpin datang, pemimpin pergi namun perjuangan dalam memperjuangkan kebajikan, keselesaan dan kesejahteraan pensyarah dan kakitangan akademik tetap diteruskan.

Pindaan perlembagaan Mitasa di dalam AGM 2021 yang lalu telah diluluskan oleh JHEKS. Di antara perkara penting yang telah dipinda ialah tempoh perkhidmatan Ahli Majlis Kerja kini adalah selama 3 tahun. Ini bermakna Mesyuarat Agong Tritahunan Mitasa hanya akan diadakan pada Oktober 2026. Adalah menjadi harapan saya agar barisan Ahli Majlis Kerja MITASA sesi 2023 – 2026 ini akan terus berkerjasama berganding bahu dalam mendepani cabaran dari masa ke semasa untuk membawa MITASA lebih perkasa didalam memperjuangkan kebajikan ahli-ahlinya.

Jumlah ahli MITASA terkini adalah sekitar 2,700 orang ahli. Berikutan Surat Arahan Ketua Setiausaha Negara 2023 yang lalu bahawa pegawai dalam Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti dari Gred 45 hingga Gred 56 adalah dibenarkan untuk menganggotai kesatuan sekerja. Berikutan itu besarlah harapan Mitasa agar pensyarah dari Gred DM45 ke

Gred 56 dapat mengisi borang keahlian untuk menjadi kuat dan tampak gagah untuk bersuara. Kini ahli Mitasa hanyalah 1/3 dari 8,932 staf akademik di UiTM.

Mitasa akan terus menjadi rakan strategik pengurusan UiTM. Kini Mitasa adalah ahli turut hadir di dalam Mesyuarat Senat Universiti. Mitasa juga terlibat di dalam jawatankuasa-jawatankuasa kecil yang lain. Ini melambangkan peranan Mitasa yang terus diiktiraf oleh pihak universiti.

Mitasa akan terus memperjuangkan kebajikan ahli-ahlinya. SUARA MITASA pula akan terus memainkan peranannya sebagai penghubung untuk menyampaikan berita kegiatan Mitasa kepada ahli-ahlinya.

Mengakhiri wadah, saya mewakili Sidang Redaksi SUARA MITASA ingin memohon maaf jika terdapat kelemahan dan kekurangan dalam pembikinan lidah rasmi Mitasa ini. Semoga dengan penghasilan SUARA MITASA akan terus menjadi jambatan di antara Mitasa dan ahli-ahlinya. Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT EXCO

Presiden MITASA

Saharuddin Lin

Kolej Pengajian Alam Bina

Timbalan Presiden MITASA

**Mohd Amirul Akbar
Mohd Zulkifli**
Fakulti Komunikasi
dan Pengajian Media

Setiausaha MITASA

Dr Faridah Hussain
Fakulti Undang-Undang

Bendahari MITASA

Ts Nor Azlin Rosli
Kolej Pengajian Pengkomputeran
Informatik dan Matematik

Penolong Setiausaha MITASA

**Sharifah Yuliana
Syed Ali Hanafiah**
Fakulti Komunikasi
dan Pengajian Media

EXCO Kebajikan

Dr Marfuzah Mohamed Zabidi
Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS)

EXCO Kebajikan

Atifah Othman
Fakulti Undang-Undang

EXCO Penerbitan dan Media

Haliza Ab Ghani
Akademi Pengajian Bahasa

EXCO Sukan

Dr Mohamad Firdaus Ahmad
Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi

EXCO Promosi, Sosial Media dan Laman Web

**Dr Zaid Mujaiyid
Putra Ahmad Baidowi**
Pusat Asasi UiTM

EXCO Promosi, Sosial Media dan Laman Web

Mohd Shahrudin Mohmud
Pusat Asasi UiTM

EXCO Undang-Undang

Dr Adlan Abdul Razak
Fakulti Undang-Undang

EXCO Aduan

Dr Mohammad Ghazali Masuri
Fakulti Sains Kesihatan

PENYELARAS MITASA DI UITM CAWANGAN 2023-2025

ZON CAWANGAN

PENYELARAS PERHUBUNGAN

Perlis

Abdul Hapes Mohammed
Kolej Pengajian Pengkomputeran,
Informatik dan Matematik
016-3188491
hapus@uitm.edu.my

UTARA

Kedah

Dr Khairul Adilah Ahmad
Kolej Pengajian Pengkomputeran,
Informatik dan Matematik
019-4791372
adilah475@uitm.edu.my

Kedah

Anis Faradella
Kolej Pengajian Pengkomputeran,
Informatik dan Matematik
019-6996939
anisfaradella@uitm.edu.my

Pulau Pinang

Shaira Ismail
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
013-4455669
sheeraz@uitm.edu.my

Perak (Tapah)

Roslan Abd Wahab
Fakulti Perakaunan
019-2632840
roslanawahab@uitm.edu.my

Perak (Sri Iskandar)

Dr Husrul Nizam Husin@Husain
Kolej Pengajian Alam Bina
019-3716348
husrul820@uitm.edu.my

Selangor

TENGAH

Khairil Anuar Md Isa
Fakulti Sains Kesihatan
019-9805501
khairil996@uitm.edu.my

SELATAN

Negeri Sembilan (Seremban)

Nur Sofiah Abu Kassim
Fakulti Sains Gunaan, Pusat
Pengajian Kimia dan Alam Sekitar
012-5517700
nursofiah@uitm.edu.my

Negeri Sembilan (Kuala Pilah)

Nur Hidayah Mohd Razali
Kolej Pengajian Pengkomputeran,
Informatik dan Matematik
017-9534450
hidayah3849@uitm.edu.my

Negeri Sembilan (Rembau)

Dr Dzaa Imma Abdul Latiff
Fakulti Komunikasi dan Media
016-3683181
dzaa17@uitm.edu.my

Melaka

Zuhri Arafah Zulkifli
Kolej Pengajian Pengkomputeran,
Informatik dan Matematik
012-3452087
zuhrizulkifli@uitm.edu.my

Johor

Dr Norbaiti Tukiman
Kolej Pengajian Pengkomputeran,
Informatik dan Matematik
019-7751404
norbaiti289@uitm.edu.my

TIMUR

Pahang

Rozeleenda Abdul Rahman
Kolej Pengajian Pengkomputeran,
Informatik dan Matematik
019-9772664
rozeleenda@uitm.edu.my

Terengganu

Yau'mee Hayati
Hj Mohamed Yusof
Fakulti Pengurusan Perniagaan
019-9890216
yaumee555@uitm.edu.my

Kelantan

Dr Iskandar Hasan Tan Abdullah
Fakulti Sains Pentadbiran dan
Pengajian Polisi
013-5188618
iskan777@uitm.edu.my

Sarawak

Suriani Jack
Kolej Pengajian Pengkomputeran,
Informatik dan Matematik
019-8884422
suejack@uitm.edu.my

Sabah

Delia L. Olaybal
Akademi Pengajian Bahasa
016-8304950
delia733@uitm.edu.my

AGM-36 MITASA TAMPIL KEPIMPINAN BAHRU



Seramai 86 ahli MITASA dari seluruh Malaysia menghadiri Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan kali ke-36 bertempat di Kelab Selangor, Shah Alam, di sini. Mesyuarat agung kali ini menyaksikan pertukaran kepimpinan baharu yang kini di galas oleh Presiden, Encik Saharuddin Lin yang akan bertanggungjawab menggalas jawatan berkenaan sehingga tahun 2025.

Mantan Presiden, Encik Faisal Mohamed Fiah dalam ucapan di mesyuarat berkenaan berharap agar kepimpinan baharu MITASA dapat memberi pelbagai kelebihan dan kebaikan yang lebih menyeluruh kepada semua ahli yang kini mencecah lebih 2,800 orang dari cawangan UiTM seluruh Malaysia.

Pelantikan Ahli Majlis Kerja atau Exco baharu MITASA adalah melibatkan semua 13 jawatan yang dibuka untuk pencalonan. Bagaimanapun, kesemua jawatan telah dimenangi tanpa sebarang pertandingan. Jawatan Naib Presiden digalas Encik Amirul Akhbar Bin Mohd Zulkifli. Jawatan Setiausaha diterajui Dr Faridah Hussain dan dibantu oleh Puan Syarifah Yuliana Binti Syed Ali Hanafiah, manakala jawatan bendahari pula digalas Ts Nor Azlin Binti Rosli.

Untuk portfolio pula, Exco Aduan diterajui oleh Dr Mohamad Ghazali Bin Masuri, Exco Penerbitan dan Media diterajui oleh Encik Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli dan Puan Haliza Binti Ab Ghani.

Exco Undang-undang pula diterajui oleh Dr Adlan Bin Abdul Razak, Dr Faridah Hussain serta Puan Syarifah Yuliana Binti Syed Ali Hanafiah. Exco Kebajikan diketuai oleh Puan Atifah Binti Othman dan Dr Mahfuzah Binti Mohammed Zabidi manakala Exco Promosi, Sosial Media dan Laman Web pula digalas Ts Dr Zaid Mujayid Putra Bin Ahmad Baidowi dan Encik Mohd Shahrudin Bin Mohmud dan yang terakhir, Exco Sukan pula digalas Dr Mohamad Firdaus Bin Ahmad.

Majlis tersebut turut diserikan dengan penyampaian hadiah untuk pertandingan Anugerah Khas MITASA melibatkan lima kategori utama yang dipertandingkan iaitu Anugerah Pensyarah Menyinar dimenangi oleh Puan Wan Anisha Wan Mohamad, Anugerah Pensyarah Prolifik dimenangi oleh Encik Mohd Ashraf Mohd Fateh dan Anugerah Pensyarah Versatil/Serba Boleh pula dimenangi oleh Encik Syamsul Samsudin.



Dua anugerah lain iaitu Anugerah Pensyarah Aktif pula dimenangi oleh Ir Dr Zulzilawati Jusoh dan Anugerah Pensyarah Harapan pula dimenangi oleh Ts Jacqueline Binti Joseph. Ini merupakan kali kedua penganjuran pertandingan ini melibatkan ahli-ahli MITASA dari seluruh cawangan. Pemarkahan mereka diadili oleh juri-juri profesional mengikut bukti dan bahan yang dilampirkan semasa memasuki pertandingan berkenaan.

Sementara itu, untuk AGM kali ini juga turut diadakan Program Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) iaitu Sesi Libat Urus Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja yang mengundang Ketua Pengarah jheks, Encik Kamal Bin Pardi sebagai salah seorang panel. Panel keduanya pula ialah Presiden Kesatuan Kakitangan Umum UiTM (KKUiTM), Encik Zulkifli Bin Mohamed yang juga Presiden Gabungan Majlis Presiden dan Setiausaha Kehomat Kesatuan Kakitangan Universiti (GAKUM).

Program berkenaan merupakan program anjuran bersama MITASA dan Majlis Presiden Persatuan Akademik Universiti Awam (MPPA) bagi memberi pelbagai pendedahan kepada ahli MITASA dan seluruh warga akademik mengenai keterlibatan ahli akademik di dalam kesatuan-kesatuan yang berkaitan. Sesi sehari bersama JHEKS itu juga memberi pelbagai input positif kepada pengajur dan ahli dalam berkongsi pelbagai pandangan melalui sesi soal jawab dan sebagainya.





MITASA telah mengadakan kunjungan hormat kepada Naib Canselor UiTM, YBhg. Prof. Datuk Dr Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin di pejabat beliau di Canselori, Shah Alam. Kunjungan hormat selama sejam tersebut diketuai Presiden MITASA, Encik Saharuddin Lin dan barisan kepimpinan EXCO dari seluruh cawangan.



Presiden MITASA, Encik Saharuddin Lin menghadiri Poket Talks Siri 2/2024 & Bengkel e-TUIS Kesatuan Sekerja di PTAR, UiTM yang bertajuk Membina Pekerja Malaysia MADANI Berkonseptan 3K (Kebajikan, Kemahiran dan Keberhasilan). Ia dirasmikan oleh Tuan Haji Mohd Asri Bin Abdul Whab iaitu Ketua Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja.



Pada 4 Januari 2023, Exco MITASA telah mengadakan kunjungan hormat ke Bahagian Unit Perkhidmatan OKU, bertempat di Pejabat UPOUKU Kompleks Antarabangsa UiTM Shah Alam, di sini. Rombongan MITASA yang diketuai Presiden, Encik Saharuddin Lin di raikan Pengarah UPOUKU, Prof. Madya Ts Dr Roslinda Alias.



Pada 17 Januari 2024, Presiden MITASA, Encik Saharuddin Lin menghadiri Majlis penyerahan “Gerobok Rezeki MITASA-NR” di Unit Non Resident, UiTM, Shah Alam disini. MITASA bukan sahaja menjaga dan memperjuangkan kebijakan penyaraah, malah turut menitik beratkan kebijakan pelajar-pelajar yang memerlukan.



Presiden MITASA, Encik Saharuddin Lin dan Setiausaha MITASA, Dr Faridah Hussain menghadiri Taklimat Kajian Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) bersama Timbalan Pengarah, Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Dasar di JPA, Putrajaya.



Pada 11 Januari 2024 telah berlangsung Mesyuarat Kesatuan Dan Persatuan Dalaman UiTM untuk memilih Naib Presiden dan Setiausaha bagi pihak pekerja dalam MBJ di Pejabat MITASA, disini. Mesyuarat berkenaan dihadiri wakil-wakil persatuan dan kesatuan yang berkenaan.



Bengkel Pemantapan Pensyarah 2023 Mitasa telah diadakan di UiTM Perlis 4-6 September tahun lalu dan dihadiri wakil-wakil pensyarah dari seluruh cawangan berdekatan.



Pada 31 Januari 2024, MITASA turut dijemput untuk menyertai Pasukan Pelambai Bagi Istiadat Keberangkatan Tiba Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-pertuan Agong XVII bersama-sama dengan warga UiTM yang lain.



Pada 23 Januari lalu, MITASA telah mengadakan kunjungan hormat kepada YBhg. Profesor Dr Ahmad Taufek Abdul Rahman, Rektor UiTM Cawangan Selangor bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Bangunan FF1 Kampus Puncak Alam.



Presiden MITASA, Encik Saharuddin Lin hari ini turut dijemput menyertai Bengkel Penyediaan Kertas Cadangan Penambahbaikan Skim Perkhidmatan Akademik Majlis Profesor Negara di Ixora Hall, Palm Garden Hotel, Putrajaya.



Kongress Persatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) telah mengadakan Bengkel Skim Perkhidmatan Gred Pelajaran CUEPACS 2024 pada 5 hingga 7 Januari 2024. Empat Exco MITASA juga turut menghadiri bengkel berkenaan yang diadakan di STEG, Kuala Lumpur.



Ahli Majlis Kerja MITASA turut dijemput menyertai Bengkel Hala Tuju Gred Pihak Berkua Tempatan dan Badan-Badan Berkanun CUEPACS Tahun 2024 yang diadakan di Mardhiyyah Hotel & Suite Shah Alam pada 27 hingga 29 Februari 2024. Pelbagai input berguna telah dikongsikan melalui bengkel tersebut yang dihadiri oleh Timbalan Presiden MITASA, Encik Mohd Amirul Akbar, Setiausaha MITASA, Dr Faridah Hussain dan Bendahari MITASA, Ts Nor Azlin.



Barisan Exco MITASA menghadiri Majlis Ramah Mesra YB Menteri Bersama Warga Kementerian Pendidikan Tinggi Tahun 2024 bertempat di Tempat Letak Kenderaan KPT, Putrajaya hari ini. Majlis yang turut dihadiri Naib Canselor UiTM itu juga diserikan dengan kehadiran wakil-wakil kepimpinan dari UTIMAS, KKUiTM dan ramai lagi.

Untuk sebarang urusan berkaitan akses terhadap MITASA, ahli-ahli boleh mengikuti kami di platform media sosial MITASA dengan mengimbas kod QR yang disediakan seperti Tiktok, Facebook, Instagram dan Twitter. Bersama ini juga disertakan kod QR untuk pendaftaran sebagai ahli dan borang aduan untuk ahli yang memerlukan.

Media Sosial MITASA



Tiktok



Facebook



Twitter



Instagram



Laman Web

Keahlian & Aduan



Borang Ahli



Borang Aduan



Siti Fatihah Awang
Setiausaha Media dan
Korporat MITASA
010-9280262



Nadra Sharfina Ab Rahman
Setiausaha Pejabat MITASA
018-2365130